



**KENYATAAN RASMI MUFTI NEGERI PULAU PINANG
PANDUAN HUKUM BERKAITAN UJIAN SARINGAN DAN PROSEDUR
RAWATAN PESAKIT COVID-19 PADA BULAN RAMADAN**

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang telah bersidang pada 22 April 2020 bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

Panduan Hukum Berkaitan Ujian Saringan dan Prosedur Rawatan Pesakit Covid-19 Pada Bulan Ramadan.

- i. Hukum Puasa Kerana Menjalani Ujian Saringan Perubatan COVID-19
 - (a) Prosedur saringan bagi mengesan penyakit Covid-19 adalah dengan mengambil sampel lendir (*mukus*) yang berada di dalam hidung sehingga ke kawasan *nasopharynx* (rongga hidung paling atas) dan rongga mulut hingga ke kawasan *oropharynx* (anak tekak) adalah tidak membatalkan puasa. Namun mesyuarat mencadangkan supaya puasa tersebut diqadho sebagai langkah untuk keluar daripada khilaf fuqahak.
 - (b) Bagi kes yang tidak mempunyai keperluan mendesak hendaklah ditangguhkan ujian saringan sehingga selepas waktu berbuka puasa.
- ii. Hukum Puasa Pesakit Positif COVID-19 Yang Tidak Bergejala (Dalam Pemantauan Dan Tidak Perlu Ambil Ubat-Ubatan)
 - (a) Pesakit yang positif COVID-19 yang tidak bergejala dan tidak perlu memakan dan mengambil ubat, mereka diwajibkan untuk melaksanakan ibadah puasa;
 - (b) Sekiranya tidak mampu melaksanakan ibadah puasa atau sekiranya berpuasa boleh melambatkan kesembuhan atau akan memudaratkan lagi keadaan

mereka (atas nasihat pakar perubatan), maka dalam keadaan ini mereka diharuskan untuk tidak berpuasa; dan

(c) Mereka wajib menggantikan puasa yang ditinggalkan setelah berakhir bulan Ramadan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.

iii. Hukum Puasa Pesakit Positif COVID-19 Yang Bergejala (Dalam Rawatan Yang Memerlukan Pengambilan Ubat- Ubatan Atau Bantuan Peralatan).

(a) Pesakit yang memerlukan kepada pengambilan ubat-ubatan, mereka diharuskan untuk tidak berpuasa. Namun demikian, mereka disarankan untuk mematuhi [Panduan Kaedah Pelaksanaan Ibadah Pada Bulan Ramadan Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan \(PKP\) Covid-19](#); dan

(b) Bagi pesakit yang memerlukan kepada bantuan peralatan pernafasan, tiada halangan untuk tidak berpuasa kerana ianya adalah keuzuran dan rukhsah yang telah disepakati oleh para fuqaha keseluruhannya. Namun demikian, puasa yang ditinggalkan tetap perlu digantikan setelah berakhir bulan Ramadan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.

Sekian, dimaklumkan.



(DATO' SERI DR WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR)

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Fatwa

22 April 2020 / 28 Syaaban 1441H